

Penyediaan makanan kepada hidupan liar juga digelar "provisi makanan".

Provisi makanan kepada hidupan liar adalah masalah yang berpunca dari manusia.

Manusia haruslah lebih bertanggungjawab ke atas tindakan mereka sendiri.

Untuk hidup berdampingan dengan hidupan liar, elakkan memberi mereka sebarang makanan.

Anda tidak membantu hidupan liar dengan memberi mereka makanan

Tahukah anda? Pisang, nanas, oren, tembikai, betik dan kebanyakan buah-buahan yang ditanam BUKAN makanan semula jadi untuk orang utan dan kebanyakan hidupan liar lain.

KENAPA?

Pemberian makanan oleh manusia mengganggu kebiasaan sosial haiwan dan mencipta kawasan tumpuan baru. Akibatnya, ia boleh membahayakan KEDUA-DUA manusia DAN haiwan.

Memberi makanan kepada hidupan liar akan mendorongnya untuk mendekati manusia.



Memberi makan hidupan liar melahirkan jangkaan bahawa anda akan terus menyediakan makanan ini.

Haiwan akan terus mendekati manusia untuk menuntut apa yang sudah kini menjadi ekspektasi mereka.

Manusia biasanya kurang senang dengan hal ini dan melabel haiwan tersebut sebagai "perosak", walaupun hakikatnya tingkah laku itu telah dilatih oleh manusia sendiri.

Elakkan memberi makanan kepada haiwan liar agar mereka tidak terbiasa mendekati manusia.



Sama seperti kita yang suka makanan ringan, hidupan liar cenderung memilih makanan bukan semula jadi berbanding diet asal mereka.



Jadi, siapa yang bertanggungjawab apabila hidupan liar menjadi "terlalu dekat" dengan manusia dan menimbulkan masalah?

Provisi makanan mengubah tingkah laku dan dinamik sosial hidupan liar ke arah yang memudaratkan mereka. Provisi makanan memberi kesan negatif terhadap kesihatan hidupan liar.

Provisi makanan boleh berlaku tanpa sengaja akibat sampah dan sisa yang tidak terurus.



Sampah yang tidak terurus

Sama seperti kita yang suka makanan ringan, hidupan liar cenderung memilih makanan bukan semula jadi berbanding diet asal mereka.



Untuk hidup berdampingan dengan hidupan liar, manusia perlu sentiasa mengekalkan jarak yang selamat serta memberi peluang bagi haiwan untuk melakukan perkara yang sama. Kita perlu saling menghormati memandangkan hidupan liar kini semakin terpaksa berkongsi ruang bersama manusia disebabkan kehilangan habitat semula jadi akibat aktiviti manusia.

Penanaman pengayaan yang tertumpu kepada pendekatan provisi makanan semata-mata adalah tidak memadai sebagai usaha pemulihan habitat untuk pemuliharaan biodiversiti dan boleh membawa kepada keadaan yang menghalang kewujudan bersama

Provisi makanan tidak sepatutnya dikelirukan dengan pemulihan habitat.

Untuk menambah baik habitat dengan cara yang lebih "mesra hidupan liar":

1. **JANGAN** memperkaya habitat di tempat yang anda tidak mahu digunakan oleh hidupan liar.
2. **JANGAN** melakukan penanaman bertumpukan hanya satu spesies yang akan menarik banyak haiwan ke satu tempat pada masa tertentu, terutamanya apabila spesies itu berbuah.
3. **JANGAN** menanam kultivar makanan manusia yang juga ingin dituai oleh manusia.
4. **ANDA PATUT** menanam pelbagai spesies asli untuk mencipta pemulihan habitat secara menyeluruh.
5. Hormati hidupan liar dan biarkanlah mereka mempunyai laluan tanpa gangguan ke kawasan itu.



Rujukan boleh dimuat turun di sini.